

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- a) Hasrat utama penubuhan Pusat PERMATA Pintar Negara di UKM dan kelebihannya; dan
- b) Apakah program-program khas yang melonjakkan pelajar di pusat atau kolej PERMATA dan siapakah yang dibenarkan mengikuti programnya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat utama pelaksanaan Pusat PERMATApintar Negara UKM ialah menyediakan pendidikan khusus bagi pelajar pintar dan berbakat dengan kurikulum khas bersesuaian dengan tahap kepintaran pelajar tersebut. Kurikulum PERMATA Pintar berteraskan Science, Technology, Engineering dan Mathematics (STEM) ini setanding dengan kurikulum yang ditawarkan oleh sekolah pelajar pintar dan berbakat di seluruh dunia seperti NUS High School for Maths and Science di Singapura, Sir Karl Popper Schule di Vienna atau KAIST di Korea.

Kelebihan program yang ditempatkan dalam sebuah universiti penyelidikan ialah:

- (i) Menyediakan platform kerjasama antara penyelidik universiti dengan pelajar dalam menjalankan kajian yang membantu menanam minat dalam bidang STEM dan penyelidikan;
- (ii) Pembangunan kurikulum dan pembelajaran pelajar melibatkan kepakaran yang boleh dibantu oleh pensyarah UKM;

- (iii) Perkongsian infrastruktur termasuk makmal tahap tinggi yang spesifik antara Pusat PERMATApintar Negara, dan fakulti-fakulti di UKM;
 - (iv) Pelajar boleh mendapat bimbingan mentor daripada Pensyarah Penyelidik yang mempunyai dana serta makmal khusus.
- b) Bagi memantapkan pelaksanaan program pendidikan pelajar pintar dan berbakat, Pusat PERMATApintar Negara, UKM telah merancang dan melaksana pelbagai program khas berfokuskan aspek STEM bagi membantu melonjakkan keupayaan dan potensi pelajar ke tahap optima. Program-program yang dilaksanakan ini turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah berprestasi tinggi dan MRSM termasuk pelajar dari luar negara.

Sekian, terima kasih